

Jati Diri dan Cabaran Kehidupan Masyarakat Melayu Muslim di Perth Australia

Jamaludin, Mohamed Sabir^{1*}, Abdul Kadir, Fakhrul Adabi², Mohd Yusoff, Ahmad Nasir³ & Mokhtar, Rosli⁴

^{1,2}Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 50603 Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan, MALAYSIA

³Department Of Government and Civilization Studies, Faculty of Human Ecology, Universiti Putra Malaysia, 43400, Serdang, Selangor, MALAYSIA

⁴Department of Syariah, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor, 43000 Kajang, Selangor, MALAYSIA

*Corresponding author email: mosa07@gmail.com

Received: 03 February 2022; Revised: 24 February 2022; Accepted: 25 February 2022; Available Online: 11 March 2022

Abstract: Orang Melayu telah lama berhijrah ke seluruh dunia. Banyak faktor yang menyebabkan masyarakat Melayu berhijrah ke negara yang majoriti penduduknya bukan beragama Islam. Masyarakat Melayu Islam terus mengukuhkan jati diri umat Islam di mana sahaja mereka berada. Menjadi komuniti Muslim minoriti di negara majoriti bukan Islam adalah cabaran besar yang perlu dihadapi. Terdapat pelbagai isu, antaranya yang utama ialah memperkuat jati diri umat Islam, amalan agama, pendidikan keluarga dan salah faham tentang Islam. Objektif kajian adalah untuk membincangkan bagaimana masyarakat Melayu Islam yang berhijrah dan menetap di Perth, Australia menangani isu-isu tersebut. Metodologi kajian menggunakan kaedah kualitatif dan instrumen temu bual, pemerhatian dan rujukan dokumentasi. Dapatkan ini memberi penjelasan tentang pendekatan yang digunakan oleh Komuniti Melayu Islam Perth, Australia untuk mengatasi cabaran tersebut. Kesimpulan kajian ini diharap dapat memberi manfaat kepada masyarakat Melayu Islam minoriti di Perth, Australia dan negara-negara lain serta dapat membantu mengukuhkan jati diri umat Islam dan menghadapi cabaran besar kehidupan sebagai masyarakat minoriti Islam di luar negara.

Kata Kunci: Identiti, Cabaran Hidup, Masyarakat Melayu Islam, Perth Australia

Abstract: Malays have long migrated around the world. There are many factors that cause the Malay community to migrate to a country where the majority of the population is not Muslim. The Malay Muslim community continues to strengthen the identity of Muslims wherever they are. Being a minority Muslim community in a non -Muslim majority country is a big challenge that needs to be faced. There are various issues, among the main ones are strengthening the identity of Muslims, religious practices, family education and misunderstandings about Islam. The objective of the study was to discuss how the Malay Muslim community who migrated and settled in Perth, Australia addressed these issues. The research methodology uses qualitative methods and instruments of interviews, observations and documentation references. These findings provide an explanation of the approach used by the Malay Muslim Community of Perth, Australia to overcome these challenges. The conclusion of this study is expected to benefit the Malay Muslim minority community in Perth, Australia and other countries and can help strengthen the identity of Muslims and face the great challenges of life as a Muslim minority community abroad.

Keywords: Identity, Life Challenges, Malay Muslim community, Perth Australia

1. Pendahuluan

Penghijrahan manusia dari satu kawasan ke kawasan yang lain atau satu negara ke negara lain telah lama berlaku zaman berzaman. Banyak faktor yang menyebabkan manusia berhijrah antaranya mendapatkan pekerjaan lebih baik, menguruskan perniagaan, perkahwinan, pendidikan, perlindungan akibat perang dan pelbagai lagi. Dalam erti kata

*Corresponding author email: mosa07@gmail.com
<https://www.arsvot.org/> All right reserved.

lain terdapat banyak faktor yang menyebabkan manusia berhijrah keluar dari negara asal. Secara umumnya setiap perhijrahan adalah bertujuan untuk mendapatkan kehidupan yang lebih baik dan sempurna.

Masyarakat Melayu Muslim dikesan telah berhijrah ke beberapa negara lain seperti ke Afrika Selatan, Ceylon atau Sri Langka dan beberapa negara lain sejak abad ke 16 lagi walaupun penghijrahan ini dilakukan secara paksa oleh penjajah. Sehingga kini komuniti masyarakat Melayu masih wujud di Cape Town Afrika Selatan dan Sri Lanka. Selain itu pada abad ke 18 sebahagian masyarakat Melayu telah berhijrah bagi meningkatkan ekonomi mereka ke Australia. Mereka berhijrah pada tahun 1800an lagi ke Perth yang berada dalam wilayah Australia Barat untuk bekerja sebagai penyelam mutiara dan buruh di perairan Australia Barat (Ahmad et al., 2015).

Pada peringkat awal mereka hanya menetap untuk satu tempoh dan kembali semula ke negara asal. Namun kemudiannya lebih ramai berhijrah sehingga mewujudkan penempatan tetap di beberapa pulau seperti Pulau Krismas, Pulau Cocos dan juga Perth, Australia. Masyarakat Melayu majoritinya adalah beragama Islam maka menjadi satu kewajipan untuk melaksanakan ajaran agama Islam dalam kehidupan. Sebagai golongan minoriti Muslim terdapat pelbagai cabaran yang perlu dihadapi oleh masyarakat Melayu untuk memastikan jati diri individu Muslim dan keluarga dipelihara. Kajian ini menjelaskan bagaimana masyarakat minoriti Melayu Muslim mempertahankan dan mengamalkan ajaran Islam serta menghadapi cabaran-cabaran kehidupan di Peth, Australia.

1.1 Masyarakat Melayu Muslim di Peth, Australia

Australia mempunyai beberapa bandar yang utama seperti Adelaide, Alice Springs, Brisbane, Darwin, Hobart, Melbourne, Sydney dan Perth. Ramai imigran yang berhijrah terdiri dari warga negara luar seperti dari Vietnam, Thailand, Indonesia, Malaysia, Turki, Afrika Selatan dan beberapa negara lain untuk bekerja di Australia. Jumlah masyarakat Melayu Muslim yang berhijrah ke Perth adalah lebih ramai berbanding wilayah lain di Australia. Kebanyakan mereka bekerja dalam pelbagai sektor seperti kejuruteraan, perubatan, perniagaan, pendidikan dan sebagainya.

Sebahagian besar masyarakat Melayu di Perth telah memperoleh status penduduk tetap manakala sebahagian lagi telah menjadi warga negara Australia. Di Perth, Australia terdapat pelbagai etnik, masyarakat Melayu hanyalah kumpulan minoriti jika dibandingkan dengan etnik-etnik yang lain. Pengikut Islam juga merupakan golongan di Perth, Australia. Masyarakat Melayu perlu menjalani kehidupan sebagai golongan minoriti Muslim serta bertanggungjawab pula memastikan jati diri Muslim mereka terus dipertahankan.

2. Kajian Literatur

Terdapat beberapa kajian mengenai cabaran yang dilalui oleh golongan minoriti Muslim yang menetap di dalam majoriti non-Muslim. Antaranya jurnal yang bertajuk Masyarakat Muslim Melayu di Singapura: Kajian Terhadap Isu dan Cabaran Pemikiran Era Globalisasi (Abdullah, 2018), Cabaran Minoriti Muslim: Kajian di Jepun (Hamdani, Baharuddin, & Karim, 2019), Kehidupan Beragama Minoriti Muslim di Korea (Mohd, Awang, & Rahman, 2018) dan pelbagai lagi. Kajian-kajian terhadap golongan minoriti Muslim banyak menyentuh isu yang berkaitan mempertahankan ajaran agama serta cabaran-cabaran kehidupan sebagai golongan minoriti Muslim.

Namun dapatan dari kajian-kajian ini memberikan hasil yang berbeza kerana pelbagai faktor yang tersendiri. Cabaran-cabaran yang dilalui oleh minoriti Muslim di dalam negara majoriti non-Muslim juga berbeza antaranya kerana polisi negara, kebebasan mengamalkan agama, penerimaan dan kefahaman masyarakat non-Muslim, propaganda oleh golongan radikal dan sebagainya. Selain itu kajian-kajian oleh pengkaji terdahulu memberikan perhatian terhadap beberapa elemen seperti peningkatan ilmu agama, pengamalan agama cabaran yang dilalui sebagai masyarakat minoriti Muslim.

2.1 Jati Diri Muslim

Jati diri bermaksud untuk memantapkan keyakinan masyarakat terhadap sistem kepercayaan yang dianuti masyarakat yang berpegang teguh kepada ajaran agama, tidak akan melakukan perkara yang tidak baik (Ismail 2010). Bagi menjelaskan lagi maksud jati diri Wan Muhamad menyatakan jati diri sebagai identiti yang merujuk kepada identiti diri atau keperibadian diri sebenar yang dimiliki oleh seseorang, bukan sahaja secara lahiriah tetapi juga nilai-nilai yang menjadi pegangan (Ghaffar et al., 2013). Nilai-nilai yang menjadi pegangan ini merujuk kepada anutan agama seseorang individu tersebut.

Berdasarkan definisi ini maka jelaslah bahawa jati diri Muslim mestilah berpaksikan agama yang menjadi anutan setiap individu Muslim untuk menghayati dan melaksanakannya. Sebagai Muslim menjadi tanggungjawab mematuhi perintah agama yang berkaitan menuntut ilmu pengetahuan dan pengamalan. Menurut Mohd Fauzi setiap Muslim perlu ada di dalam dirinya keyakinan dan kepercayaan kepada Allah sebagai Tuhan yang disembah dan berkuasa dalam menentukan segala perjalanan hidup manusia dan seluruh isi dunia ini. Keimanan dan keyakinan kepada kekuasaan perlu tersemat teguh di dalam hati dan dizahirkan melalui sifat-sifat yang membuktikan kepatuhan kepada segala suruhan dan menjauhkan apa yang dilarang (Fauzi, 2008).

2.1.1 Peningkatan Ilmu Agama

Kewajipan menuntut ilmu agama adalah tuntutan dalam Islam sebagaimana sabda Nabi Muhammad SAW yang bermaksud:

“Menuntut ilmu itu wajib atas setiap Muslim” (Hadis Ibnu Majah)

Maka setiap Muslim mesti berusaha meningkatkan ilmu agama walau di mana sahaja mereka menetap. Bagi golongan minoriti Muslim menuntut ilmu pengetahuan agama merupakan satu cabaran yang besar kerana pelbagai kekurangan dan halangan. Kajian terhadap masyarakat minoriti Muslim di Jepun mencatatkan antara kesukaran yang mereka hadapi adalah kekurangan kelas-kelas pendidikan Islam yang berstruktur dan seragam, kurang kelas bimbingan pendidikan Islam untuk para remaja, tiada guru khas untuk mengajar agama dan kekurangan buku-buku pendidikan Islam untuk golongan kanak-kanak (Hamdani et al., 2020).

Kekurangan premis yang menawarkan pendidikan agama dan guru agama adalah perkara yang paling utama bagi golongan minoriti Muslim di Jepun. Selain itu bahan-bahan bacaan yang menggunakan bahasa Jepun juga sangat terbatas. Kelemahan menguasai bahasa selain Jepun menyebabkan masyarakat minoriti Muslim Jepun tidak berupaya mendapatkan maklumat tentang agama Islam di laman-laman web dan mendengar kuliah agama di YouTube (Mateen & Ali, 2016). Keadaan menjadi lebih sukar kerana para pendakwah yang bertugas di masjid adalah bukan dari kalangan warga Jepun. Para pendakwah ini majoriti tidak menguasai bahasa Jepun (Ghani, 2002).

Bagi masyarakat minoriti Muslim di Vietnam keadaan mereka lebih baik kerana persatuan Jamiah Islamiyah Vietnam membina sekolah yang mengajarkan pendidikan Islam secara formal. Manakala pengajian di masjid-masjid terus dijalankan secara berkala dan meraikan sambutan hari-hari kebesaran dalam Islam (Abdullah, 2018). Masyarakat minoriti Muslim di Vietnam menetap di kampung-kampung komuniti Muslim dan ini memudahkan pendidikan agama dapat dijalankan dengan lebih tersusun. Malah pendidikan agama diajar menggunakan bahasa Cham Vietnam yang dikuasai oleh penduduk. Jumlah tenaga pengajar yang ramai turut membantu dalam pendidikan agama untuk semua peringkat umur masyarakat Muslim.

Berbeza pula dengan masyarakat minoriti Muslim di Singapura kerana mempunyai sumber yang lebih luas dalam pendidikan agama Islam. Terdapat institusi dan beberapa pertubuhan yang menyediakan pendidikan agama Islam secara lebih tersusun. Antaranya Persatuan Ulama dan Guru-guru Agama Islam Singapura (PERGAS), Majlis Ugama Islam Singapura (MUIS), Persatuan Muslim Profesional dan madrasah-madrasah yang menyediakan pendidikan agama Islam (Yusof, 2017). Kemudahan yang pelbagai serta tenaga pengajar yang ramai banyak membantu masyarakat minoriti Muslim di Singapura meningkatkan pendidikan agama Islam. Selain itu kelebihan dalam penguasaan bahasa Inggeris masyarakat Muslim Singapura dapat mencapai laman web dan kuliah-kuliah agama di internet.

Berdasarkan kajian-kajian ini dapat disimpulkan bahawa golongan minoriti Muslim berusaha untuk meningkatkan pendidikan agama Islam. Walaupun masih terdapat kekurangan kemudahan dan kelemahan para pendakwah dalam menyampaikan ilmu agama masyarakat minoriti Muslim terus berusaha dengan pelbagai cara untuk memahami agama Islam dengan lebih mendalam. Penterjemahan buku dan bahan-bahan agama ke dalam bahasa ibunda mereka dijalankan secara berterusan. Penglibatan golongan agama menyebarkan ilmu juga merupakan sumbangan besar dalam meningkatkan pendidikan Islam masyarakat minoriti Muslim. Penggunaan teknologi internet adalah kemudahan yang boleh membantu peningkatan ilmu agama masyarakat minoriti Muslim.

2.1.2 Pengamalan Agama

Islam mempunyai rukun yang menjadi kewajipan bagi setiap Muslim mematuhiinya iaitu mendirikan solat lima waktu, berpuasa di bulan Ramadan, membayar zakat dan menunaikan haji bagi golongan yang berkemampuan. Namun cabaran untuk mengamalkan perintah agama ini bukanlah mudah bagi sebahagian Muslim. Nadia Jeldtoft dalam kajian beliau terhadap golongan minoriti Muslim di Germany menjelaskan ada sebahagian informan yang ditemui bual menerangkan pengamalan agama seperti puasa dan solat sukar dilaksanakan kerana faktor pekerjaan dan persekitaran yang tidak kondusif. Informan mengatakan identiti Muslim beliau tidak terjejas walau tidak berpuasa dan solat setiap hari. Namun informan akan berpuasa pada hujung minggu iaitu hari tidak bekerja (Jeldtoft, 2011). Keadaan persekitaran di tempat kerja menjadi alasan kekangan untuk melaksanakan ibadah.

Masyarakat minoriti Muslim Korea turut menghadapi kesukaran untuk menunaikan solat. Menurut Mohd, Awang, & Rahman tempat ibadah yang terhad, menyebabkan mereka solat di mana sahaja tempat yang sesuai. Aspek berwuduk yang menjadi syarat sah solat juga menjadi sedikit sukar kerana tiada tempat yang sesuai memandangkan bilik-bilik air atau tandas di sana melarang penggunanya membasahkan lantai. Tandas-tandas pula tidak dilengkapi dengan paip, hanya disediakan tisu sebagai alat untuk bersuci (Mohd, Awang, & Rahman, 2018). Masyarakat minoriti Muslim Korea yang bekerja menghadapi kesukaran untuk menunaikan solat kerana tiada kemudahan bilik yang disediakan untuk solat selain kemudahan tempat berwuduk. Bagi wanita Muslim keadaan ini tentulah lebih menyukarkan mereka untuk mengerjakan solat.

Masalah kesukaran untuk melaksanakan solat turut dihadapi oleh masyarakat minoriti Muslim di Jepun. Hamdani et al. menyatakan dalam kajiannya masyarakat minoriti Muslim menghadapi kesukaran untuk melaksanakan solat lima kali di tempat kerja kerana budaya kerja yang ketat dan sukar untuk mencuri masa pada waktu kerja (Hamdani et al.,

2019). Faktor pekerjaan dan masa rehat yang tidak bertepatan dengan waktu solat merupakan antara kekangan yang dihadapi oleh masyarakat minoriti Muslim untuk melaksanakan solat. Masalah ini juga menyebabkan golongan lelaki Muslim sukar untuk mengerjakan solat Jumaat pada waktu bekerja kecuali bagi mereka yang bekerja sendiri.

Secara umumnya berdasarkan kajian terhadap minoriti Muslim di Jepun, Korea dan Germany kesukaran melaksanakan solat adalah berpunca dari keadaan persekitaran, jadual kerja, tempat yang tidak sesuai dan kelonggaran oleh majikan terhadap pekerja Muslim. Kefahaman masyarakat non-Muslim terhadap pengamalan agama masyarakat minoriti Muslim adalah faktor utama yang menyebabkan tiada kemudahan dan kelonggaran diberikan kepada penganut Islam untuk melaksanakan ibadah solat.

3. Methodologi

Kajian ini menggunakan kaedah kuantitatif iaitu dengan metode temu bual bagi mendapatkan maklumat daripada para informan. Metode temu bual ialah komunikasi dua hala di antara penemubual dan informan bertujuan mendapatkan maklumat kajian yang berkaitan (Kielmann, Cataldo, & Seeley, 2012). Metode ini adalah kaedah yang paling sesuai bagi kajian yang melibatkan kesahan yang paling tinggi. Metode ini lebih sesuai digunakan bagi mendapatkan jawapan yang melibatkan pertanyaan soalan secara langsung. Menurut Nazir interview atau wawancara adalah proses memperoleh keterangan untuk tujuan penelitian dengan cara tanya jawab sambil bersemuka antara penyoal dan yang dinamakan interview guide (Nazir, 2005).

3.1 Metode Temu Bual

Kajian ini menggunakan metode temu bual bagi mendapatkan jawapan dari para informan berdasarkan objektif kajian. Menurut Chua Yan Piaw, temu bual dikategorikan kepada tiga jenis, iaitu temu bual berstruktur, temu bual semi struktur dan temu bual tidak berstruktur (Piaw, 2014). Kaedah temu bual semi berstruktur lebih sesuai digunakan di dalam kajian ini. Temu bual semi berstruktur adalah temu bual yang dilaksanakan dengan formal, dirancang secara teliti dan dilaksanakan mengikut senarai soalan yang telah disediakan dan yang perlu dijawab oleh informan bagi mendapatkan maklumat yang sesuai dengan matlamat kajian. Jawapan yang diberikan oleh informan mampu menimbulkan persoalan lain yang berkaitan serta relevan dengan soalan asal yang disediakan dalam kajian ini. Data yang diperoleh dirakam semasa temu bual dan dicatatkan untuk memudahkan semasa proses analisis data.

3.2 Analisis Data

Kajian menggunakan analisis thematic iaitu kaedah yang paling sesuai bagi kajian kualitatif temu bual yang dijalankan (Biyatzis 1998). Analisis thematic menurut Braun dan Clarke (2006), ialah mengenal pasti, menganalisis dan melaporkan dalam bentuk tema di dalam data. Ianya mampu mengurus dan menerangkan set data secara terperinci yang turut menyentuh beberapa aspek dalam tajuk kajian. Dengan metode ini memudahkan pengkaji menghasilkan tema-tema yang relevan dengan kajian berdasarkan jawapan diperoleh semasa sesi temu bual.

4. Dapatan

4.1 Jati Diri Melayu Muslim Perth, Australia

Kekuatan dan pemantapan jati diri Muslim adalah dengan memberikan penekanan terhadap peningkatan ilmu agama, pengamalan agama dan mematuhi batas-batas hukum agama. Cabaran besar yang dihadapi oleh masyarakat Melayu Muslim sebagai minoriti Muslim di Perth adalah kemudahan yang terhad untuk mendalami ilmu agama. Tanpa ilmu agama yang mantap dikhuatiri masyarakat Melayu Muslim tidak dapat mengamalkan ajaran agama dengan betul dan juga bagi menghindari terlibat dalam perkara yang ditegah oleh agama.

Masyarakat Melayu Muslim di Perth perlu meningkatkan ilmu pengetahuan kerana menetap di negara minoriti Muslim. Penekanan terhadap kefahaman agama yang lebih terbuka khususnya yang berkaitan ilmu fiqh, perbezaan mazhab, keringanan dalam agama dan pelbagai lagi agar mereka dapat terus beramal dengan ajaran Islam. Justeru itu dengan memberikan perhatian terhadap perkara ini maka masyarakat Melayu Muslim dapat memastikan jati diri individu dan keluarga Muslim dipertahankan.

Selain itu setiap individu Muslim berkewajipan untuk mematuhi batas-batas hukum dalam agama. Memelihara diri dari terjebak dalam perkara yang dilarang dalam agama termasuk dalam pergaulan sosial, kebebasan mutlak dan juga makanan serta minuman yang diharamkan. Perhatian terhadap mematuhi batas-batas hukum agama akan membina jati diri Muslim yang kuat.

4.1.1 Peningkatan Ilmu Agama

Menjadi tanggungjawab setiap Muslim untuk sentiasa menuntut ilmu pengetahuan agama. Berdasarkan temu bual dengan para informan, terdapat pelbagai kaedah yang digunakan oleh mereka dalam meningkatkan ilmu pengetahuan agama. Yusof seorang doktor perubatan di sebuah hospital menjelaskan bahawa beliau banyak menggunakan kemudahan internet seperti YouTube, blog atau laman web tokoh-tokoh agama untuk meningkatkan kefahaman agama. Kemudahan ini sangat sesuai kerana boleh dicapai di mana-mana sahaja dan bila-bila masa. Ini adalah cara terbaik untuk mempelajari ilmu pada masa kini (Yusof, 2019).

Bagi Yusof kemudahan internet adalah pilihan utama beliau untuk mempelajari agama semenjak menetap di Perth. Malah kini ramai tokoh agama yang menggunakan You Tube untuk menyampaikan ilmu dan ianya wajar dimanfaatkan oleh sesiapa sahaja. Selain itu kemudahan internet yang stabil menyebabkan pilihan mendengar atau menonton kuliah agama di internet menjadi pilihan utama. Pembacaan di blog dan web tokoh atau organisasi Islam merupakan pilihan yang boleh dimanfaatkan. Kesibukan beliau sebagai doktor perubatan tidak menghalang beliau untuk meningkatkan ilmu agama.

Bagi informan berikutnya Azizi, menjelaskan bahawa beliau lebih gemar membaca bahan-bahan di internet yang terdiri dari buku-buku yang boleh dimuat turun. Walaupun di Perth tiada kedai buku Islam tetapi dengan adanya kemudahan internet maka buku-buku boleh dibeli dengan online dan lebih mudah. Pembacaan menjadi pilihan utama beliau dan melayari youtube atau web pula adalah pilihan yang berikutnya (Azizi, 2019). Informan lebih berminat dengan pembacaan yang mudah didapati di laman web, blog dan juga membeli buku di atas talian. Dengan cara ini maka beliau dapat meningkatkan pengetahuan agama dengan lebih mendalam. Dalam sesi temu bual mendapati Azizi mempunyai kelebihan iaitu kemahiran dalam bahasa Inggeris dan bahasa Arab selain bahasa Melayu. Beliau memanfaatkannya untuk mencapai bahan-bahan bacaan di internet dalam ketiga-tiga bahasa tersebut.

Sementara itu Hadi pula seorang warga emas yang telah menjadi penduduk tetap di Australia memilih untuk mendengar kuliah agama dan bertanya dengan para agamawan bagi meningkatkan pengetahuan agamanya. Beliau menjelaskan bahawa beliau lebih gemar belajar dengan ustaz dan bertanya perkara yang tidak difahami. Jika ada persoalan penting yang memerlukan kepastian beliau akan membuat panggilan video atau hantar pesanan melalui aplikasi WhatsApp kepada ustaz untuk mendapatkan jawapan. Hadi menjelaskan bahawa beliau tidak berminat menggunakan internet untuk belajar agama kerana terdapat pelbagai pendapat yang kadang-kadang boleh mengelirukan. Maka untuk lebih berhati-hati beliau lebih berminat bertanya terus kepada ustaz yang mempunyai kelayakan dalam bidang agama (Hadi, 2019).

Berdasarkan temu bual yang telah dijalankan masyarakat Melayu Muslim tetap berusaha untuk meningkatkan pengetahuan agama mereka dengan pelbagai kaedah. Kemudahan internet yang stabil menjadi pilihan utama untuk mereka mendengar kuliah agama, membaca dan menonton kuliah atau ceramah di YouTube. Antara faktor kemudahan internet menjadi pilihan adalah capaian internet yang stabil serta cas yang murah. Selain itu kepelbagaiannya bahan dan kuliah di dalam bahasa Melayu turut menjadi faktor masyarakat Melayu memilih kaedah ini untuk meningkatkan ilmu pengetahuan agama mereka. Isu kekurangan bahan-bahan agama bukanlah masalah besar bagi masyarakat Melayu seperti yang dihadapi oleh masyarakat minoriti Muslim di Jepun dan Korea.

Selain itu kelebihan masyarakat Melayu Muslim adalah kerana menguasai bahasa Inggeris dan ini banyak membantu mereka membaca buku, artikel dan web. Malah mereka juga dapat mendengar ceramah dan kuliah di dalam bahasa Inggeris di media sosial dan media elektronik. Justeru itu untuk meningkatkan ilmu agama bagi masyarakat Melayu Muslim di Perth bukanlah satu perkara yang sukar.

4.1.2 Pengamalan Agama Solat

Sebagai seorang Muslim maka menjadi kewajipan untuk melaksanakan ibadah yang terkandung dalam rukun Islam seperti mengerjakan solat, berpuasa, membayar zakat dan menuaikan haji bagi yang berkemampuan. Lazimnya di mana-mana negara yang mempunyai minoriti Muslim ibadah berpuasa, membayar zakat dan menuaikan haji tidak menjadi masalah namun mengerjakan solat sering menjadi kesukaran untuk dilaksanakan. Terdapat pelbagai halangan untuk masyarakat Muslim menuaikan solat terutamanya pada waktu bekerja.

Semasa sesi temu bual dengan informan Razman iaitu seorang jurutera, diajukan persoalan bagaimana beliau mengerjakan solat pada waktu bekerja khususnya solat Zohor dan solat Jumaat. Beliau menjelaskan beliau tiada masalah untuk solat Zohor atau Jumaat kerana majikannya memberikan kelonggaran untuk mengerjakan solat pada waktu bekerja. Beliau menjelaskan lagi solat Zohor hanyalah beberapa minit sahaja dan boleh dilaksanakan di ruang pejabat yang kecil. Bagi solat Jumaat kebiasaannya beliau akan pergi solat di masjid berdekatan dan menggunakan waktu rehatnya (Razman, 2019). Majikan Razman yang prihatin memberikan ruang masa dan kebebasan kepada pekerja Muslim untuk mengerjakan solat adalah suatu kelebihan yang sangat dihargai.

Manakala menurut Asyraf seorang doktor perubatan, beliau menjelaskan beliau tiada halangan untuk mengerjakan solat zohor tetapi bergantung kepada tugasnya sebagai doktor perubatan. Sekiranya ada pesakit yang memerlukan perhatian dan rawatan maka beliau akan solat jamak Zohor dengan Asar. Bagi solat Jumaat pula beliau tidak dapat menuaikannya kerana jarak hospital dengan masjid agak jauh dan masa rehat yang suntuk tidak mengizinkan beliau untuk mengerjakan solat Jumaat. Beliau hanya solat Jumaat pada waktu cuti atau bekerja pada syif petang sahaja (Asyraf 2019). Berdasarkan jawapan halangan untuk beliau menuaikan solat adalah kerana faktor kerja beliau dan ianya diizinkan oleh syarak. Maka halangan ini bukanlah kerana polisi kerja yang menghalang pekerja Muslim untuk mengerjakan solat pada waktu kerja.

Semasa sesi temu bual bersama Sue beliau menyatakan majikannya memberikan kelonggaran masa untuk beliau menuaikan solat Zohor. Malah majikannya turut memberikan kemudahan bilik untuk beliau menuaikan solat. Lebih menariknya Sue menyatakan beliau adalah satu-satunya pekerja Muslim di syarikat tersebut. Rakan-rakan sekkerja non-Muslim juga menghormatinya sebagai seorang Muslim dan memahami bahawa setiap hari beliau akan menuaikan solat pada waktu tengah hari.

Masyarakat Muslim Melayu di Perth tidak menghadapi kesukaran untuk mengerjakan solat pada waktu bekerja. Malah pihak majikan memberikan kelonggaran dan kemudahan untuk mereka menunaikan solat.

4.2 Cabaran Kehidupan Melayu Muslim

Masyarakat Muslim secara umumnya di seluruh dunia menghadapi pelbagai cabaran kehidupan sebagai golongan minoriti. Cabaran ini merangkumi pelbagai aspek seperti ancaman keganasan, undang-undang, kebebasan mempamerkan identiti Muslim, pendidikan anak-anak dan pelbagai lagi. Namun masyarakat Muslim terpaksa mengharungi cabaran ini demi survival mereka sebagai golongan minoriti Muslim. Masyarakat Melayu Muslim di Perth, turut menghadapi beberapa cabaran dalam kehidupan mereka.

4.2.1 Pendidikan Anak-anak

Masyarakat Melayu Muslim di Perth, mempunyai pilihan sama ada menghantar anak-anak belajar ke sekolah kerajaan atau ke sekolah antarabangsa Islam. Majoriti informan yang ditemui bual menyatakan mereka menghantar anak-anak belajar di sekolah kerajaan. Tujuannya adalah untuk memastikan anak-anak dapat belajar dan bergaul dengan para pelajar lain dengan sistem pendidikan kebangsaan. Dengan cara ini anak-anak Melayu Muslim dapat hidup bersosial dengan lebih terbuka dan tidak hanya bergaul dengan rakan-rakan yang Muslim sahaja. Namun aktiviti-aktiviti yang dilaksanakan di sekolah melangkaui batas-batas agama Islam. Perkara ini antara yang merisaukan para ibu bapa Muslim.

Informan yang ditemui bual Sue menjelaskan percampuran antara lelaki dan perempuan dalam aktiviti berkumpulan dan sukan melibatkan anak perempuan Muslim yang sudah baligh amatlah merisaukan. Sedangkan sebagai seorang Muslim percampuran dan sentuhan antara lelaki dan perempuan adalah suatu yang dilarang dalam agama Islam. Sue menyatakan keadaan ini menjadikan ibu bapa Muslim serba salah kerana para pelajar non-Muslim tiada halangan untuk terlibat dalam aktiviti seperti itu. Manakala masalah lain yang terpaksa dihadapi adalah menerangkan dan memahamkan anak-anak tentang batasan-batasan agama. Kadang-kadang anak-anak sukar menerima penjelasan dari ibu bapa kerana majoriti rakan-rakan non-Muslim mereka tiada masalah untuk menyertai pelbagai aktiviti di sekolah (Sue, 2017).

Sementara itu Rosayu berkongsi masalah yang sama, beliau menyatakan isu ini memang amat sukar untuk diatasi kerana pada peringkat awal di sekolah rendah anak-anak Muslim tiada sebarang halangan untuk terlibat dalam pelbagai aktiviti di sekolah. Namun apabila pelajar memasuki sekolah menengah. Setelah mencapai usia baligh maka para ibu bapa Muslim terpaksa menjelaskan batasan dalam agama yang perlu dipatuhi sebagai seorang Muslim. Keadaan bertambah rumit apabila anak-anak Muslim terlibat aktif dalam aktiviti atau sukan yang bercampur dengan pelajar lelaki dan perempuan serta sukan yang mendedahkan aurat. Adakalanya psikologi anak terganggu apabila terpaksa menarik diri dari aktiviti yang tidak selari dengan agama.

Majoriti informan tidak menghadapi banyak masalah semasa anak-anak belajar di sekolah rendah tetapi setelah memasuki sekolah menengah banyak perkara yang perlu diberikan perhatian oleh ibu bapa Muslim. Menurut Linda antara perkara yang paling sukar untuk dibendung adalah budaya masyarakat non-Muslim di Perth yang memberikan penghargaan dengan memberi pelukan. Tentu sekali perbuatan ini tidak selari dengan Islam seorang lelaki memeluk perempuan Muslim. Namun inilah budaya yang telah diterapkan di sekolah dan diterima sebagai satu budaya yang sihat. Pelajar Muslim berhadapan dengan situasi sukar bahkan kadang-kadang mereka juga merasakan ianya bukan satu bentuk kesalahan kerana dilakukan oleh sesiapa sahaja di tempat terbuka (Linda, 2019).

Cabarannya pendidikan anak-anak untuk menjelaskan perkara ini memang suatu yang agak berat. Malah anak-anak pula merasa sukar untuk mengelak budaya tersebut kerana diamalkan secara meluas semenjak dari alam persekolahan lagi. Para ibu bapa perlu sering memberikan ingatan dan anak-anak Muslim sendiri berusaha untuk mengelak dengan menjaga batas agama sahaja mampu menghadapi cabaran ini.

4.2.2 Mempertahankan Bahasa dan Budaya Melayu

Cabarannya yang perlu dihadapi seterusnya bagi masyarakat Melayu Muslim di Perth, Australia adalah untuk mempertahankan bahasa dan budaya Melayu. Sejarah menjelaskan masyarakat Melayu yang menetap di Pulau Cocos dan Pulau Krismas yang berada dalam wilayah Australia Barat masih mengekalkan bahasa, adat resam dan budaya Melayu. Masyarakat Melayu Muslim yang menetap di Perth walaupun berada dalam wilayah Australia Barat berhadapan cabaran yang besar kerana mereka merupakan golongan minoriti tidak seperti masyarakat Melayu Muslim di Pulau Krismas yang majoriti Melayu.

Hadi merupakan Presiden Pertubuhan Melayu Australia Barat atau West Australia Malay Association (MAWA) menyatakan bahawa MAWA menjadi wadah untuk masyarakat Melayu di Perth menganjurkan pelbagai program seperti kesenian, budaya dan yang berkaitan dengan adat resam Melayu. Cabaran utama yang dihadapi oleh mereka adalah untuk mengumpulkan seramai mungkin masyarakat Melayu untuk menyertai program-program yang dijalankan. Selain itu untuk mendapatkan para sukarelawan yang sanggup membantu dalam menjayakan sesuatu program juga agak sukar (Hadi, 2019). Walaupun terdapat usaha-usaha oleh MAWA untuk memastikan bahasa dan budaya Melayu terus dipertahankan namun sambutan oleh masyarakat Melayu masih belum mencukupi. Masyarakat Melayu perlu lebih memberi sokongan dan terlibat secara lebih serius untuk memastikan bahasa dan budaya Melayu tidak loput. Selain itu program yang dianjurkan tidak menarik minat generasi muda yang telah mengadaptasi budaya nasional negara.

Komunikasi di dalam bahasa Melayu juga terjejas terutamanya terhadap anak-anak Melayu. Menurut Khairul untuk memastikan bahasa Melayu tidak dilupakan oleh generasi berikut adalah tugas yang besar yang perlu dimainkan oleh ibu bapa. Sebahagian ibu bapa tidak mempraktikkan berkomunikasi dengan bahasa Melayu dengan anak-anak di rumah. Anak-anak yang belajar di sekolah kebangsaan dan menengah tidak berpeluang berbahasa Melayu kerana kurang bergaul dan berkomunikasi dengan rakan-rakan Melayu di sekolah. Fenomena tidak boleh berbahasa Melayu oleh anak-anak Melayu kini sudah semakin meluas (Khairul 2019). Pengkaji melihat sendiri anak-anak Melayu tidak mampu berkomunikasi dalam bahasa Melayu walaupun ketika berkumpul sesama anak-anak Melayu. Malah penguasaan bahasa Melayu mereka juga lemah. Ada yang memahami tetapi tidak mampu berkomunikasi dengan baik dalam bahasa Melayu.

4.2.3 Menjaga Batas Hukum Agama

Islam agama yang lengkap bukan hanya memberi panduan terhadap perkara peribadatan semata-mata tetapi juga yang berkaitan kehidupan. Terdapat larangan-larangan tertentu di dalam agama yang perlu dihindari oleh setiap Muslim seperti kebebasan yang tiada batasan, pergaulan lelaki perempuan, makanan halal dan larangan minuman yang memabukkan dan sebagainya. Menetap di negara minoriti Muslim memerlukan kekuatan jati diri untuk menghindari perkara-perkara larangan agama kerana amalan percampuran lelaki dan perempuan secara bebas adalah perkara biasa. Begitu juga dengan budaya meminum alkohol dan kebebasan yang seolah-olah mutlak ini tidak selari dengan ajaran agama Islam.

Semasa sesi temu bual dengan informan Wan, beliau menjelaskan bahawa beliau sentiasa menjaga batas-batas agama seperti pergaulan bebas dengan rakan sekerja non-Muslim berlainan gender. Sepanjang menetap dan bekerja di Perth, beliau tidak menghadapi masalah dalam hal ini kerana rakan-rakan sekerja memahami beliau sebagai seorang Muslim. Malah rakan-rakannya juga menghormati beliau yang tidak meminum minuman beralkohol (Wan, 2019). Menjadi tanggungjawab setiap Muslim bagi memastikan batasan hukum agama tidak dilanggar walau di mana sahaja mereka berada.

Menurut Nora seorang pengurus di sebuah firma menjelaskan bahawa budaya rakan-rakan non-Muslim diraikan selagi ianya tidak bercanggah dengan agama Islam. Contohnya sekiranya ada jamuan makan kebiasaan rakan-rakan non-Muslim akan menyediakan makan yang halal atau sayur-sayuran sahaja. Ini kerana bukan semua rakan non-Muslim memakan daging dan ikan, jadi pada beliau isu makanan halal bukanlah suatu masalah. Begitu juga dengan minuman keras, peraturan di tempat kerja menetapkan dengan tegas pada waktu pejabat tidak dibenarkan sama sekali kakitangan meminum alkohol. Maka secara tidak langsung budaya meminum alkohol secara terbuka tidak berlaku di tempat kerja beliau.

Menjaga batas agama mungkin agak sukar pada anak-anak Muslim kerana mereka terdedah dengan budaya dan amalan rakan-rakan non-Muslim. Idris menjelaskan generasi muda Melayu Muslim bercampur dan bergaul dengan budaya yang bebas. Sambutan perayaan dan majlis pesta yang bercanggah dengan Islam adalah perkara yang merisaukan. Sebagai contoh beliau menyatakan sambutan Valentine Day adalah perkara yang biasa tetapi ianya melanggar batas agama. Ibu bapa perlu menerangkan dengan jelas agar anak-anak mereka tidak meraikannya. Masalah timbul apabila rakan-rakan non-Muslim mereka tidak memahami dan mengajak anak-anak Muslim menghadiri majlis seperti ini (Idris, 2019). Cabaran menjelaskan larangan ini bukan mudah kerana anak-anak Muslim mempunyai rakan-rakan non-Muslim yang lebih ramai berbanding rakan-rakan Muslim.

Berdasarkan temu bual yang telah dijalankan, cabaran menjaga batasan agama sangat bergantung kepada kefahaman agama individu Muslim. Namun kesukaran yang dihadapi adalah untuk memahamkan anak-anak Muslim tentang batasan dalam agama. Budaya masyarakat non-Muslim yang tidak selari dengan Islam perlu dijelaskan dengan berhikmah oleh ibu bapa agar anak-anak mereka dapat menjadi Muslim yang baik.

5. Perbincangan

Berdasarkan kajian ini, masyarakat Melayu Muslim di Perth, mempunyai jati diri Muslim yang kukuh. Mereka memahami tanggungjawab sebagai seorang Muslim dan berusaha untuk meningkatkan kefahaman dan pengamalan agama. Mereka mempunyai kesedaran untuk meningkatkan pendidikan agama serta mengetahui bagaimana cara untuk menambah ilmu pengetahuan agama. Kemudahan teknologi menjadi pilihan utama para informan dalam meningkatkan pengetahuan agama. Guru-guru agama atau pendakwah menjadi rujukan masyarakat Melayu Muslim di Perth apabila menghadapi kemesykitan dalam perkara agama.

Dari sudut pengamalan agama, masyarakat Melayu Muslim tidak menghadapi masalah untuk mengerjakan solat pada waktu bekerja. Majikan tidak menghalang para petugas Muslim untuk menunaikan solat pada waktu bekerja. Selain itu rakan-rakan non-Muslim turut menghormati petugas Muslim yang perlu menunaikan solat pada masa waktu bekerja. Halangan untuk menunaikan solat Jumaat adalah kerana waktu rehat yang singkat dan kedudukan masjid yang jauh. Namun mereka tetap menunaikan solat zohor bagi mengatasi masalah ini. Ini menunjukkan masyarakat Muslim mempunyai kesedaran dalam pengamalan agama.

Walaupun hidup sebagai golongan minoriti para informan dan komuniti masyarakat Melayu Muslim tetap berpegang teguh dengan Islam serta memastikan anak-anak mereka mendapat pendidikan agama Islam dengan pelbagai kaedah pembelajaran. Para ibu bapa berusaha untuk memastikan anak-anak memahami batas-batas agama dan

menjelaskan perintah dan larangan agama. Tugas ini dijalankan berterusan sesuai dengan perkembangan pembesaran anak-anak.

6. Kesimpulan

Masyarakat minoriti Melayu Muslim di Perth, mendapat banyak keistimewaan berbanding minoriti Muslim di negara lain. Kebebasan beragama dan melaksanakan ajaran Islam tidak mendapat ancaman dari masyarakat non-Muslim. Malah masyarakat Melayu Muslim dihormati serta hidup dengan penuh toleransi. Cabaran-cabaran yang perlu dihadapi oleh mereka adalah yang berkait dengan pendidikan agama kepada anak-anak serta memahamkan batas-batas hukum Islam. Undang-undang Australia yang memberikan kebebasan kepada rakyat tetapi tidak selari dengan hukum agama adalah antara yang menjadi cabaran kepada masyarakat Muslim. Kesimpulan yang dapat dicapai dalam kajian ini adalah masyarakat Melayu Muslim tetap mempertahankan jati diri Muslim dan berusaha mempertahankan budaya Melayu.

Penghargaan

Terima kasih diucapkan khususnya kepada *Malay Association Western Australia* yang telah membantu dalam menyiapkan kajian ini khususnya dalam menyediakan para informan untuk ditemu bual. Saya juga merakamkan penghargaan kepada semua pihak yang telah membantu dengan berkongsi bahan-bahan, peralatan, penempatan dan kenderaan semasa berada di Perth. Australia. Semoga segala bantuan anda semua diberikan ganjaran yang setimpal oleh Allah S.W.T.

Konflik Berkepentingan

Para penulis dengan ini mengisyiharkan bahawa tiada sebarang konflik berkepentingan yang wujud dalam penyelidikan ini.

Rujukan

- Abdullah, R. (2018). Pendidikan Islam di Vietnam: Madrasah Darussalam Tay Ninh Sebagai Model Islamic Education in Vietnam: Madrasah Darussalam Tay Ninh as a Model. *Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah*, Special Issue.
- Abdullah, A. (2018). Kajian Perbandingan Terhadap Isu Dan Perhatian Dalam Pendidikan Awal Kanak-Kanak Di Malaysia Dan Jepun. *Jurnal Al-Sirat*, 1(17), 150-172.
- Ahmad, A. L., Noh, M. N. M., Mohamad, E., Mohd, R. H., Salman, A., & Pawanteh, L. (2015). Eksplorasi adaptasi antarabudaya pelajar melayu di Australia dan United Kingdom. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communicaation*, 31(2), 389-403. <http://dx.doi.org/10.17576/JKMJC-2015-3102-22>.
- Asyraf. (2019, Mac 16) Doktor Perubatan. Perth, Australia.
- Azizi, M. R. (2019). Pendekatan Fenomenologi dalam Studi Islam dan Relevansinya Terhadap Deradikalisa Agama di Perguruan Tinggi. *Al'Adalah*, 20(2), 201-222. <https://aladalah.uinkhas.ac.id/index.php/aladalah/article/view/102>.
- Boyatzis, R. E. (1998). Transforming qualitative information: Thematic analysis and code development. (Sage Publications: Thousand Oaks).
- Braun, V., Clarke, V. (2006). *Using Thematic Analysis in Psychology, Qualitative Research in Psychology*, 3(2). University of The West England.
- Fauzi, M. (2008). *Nilai-nilai pendidikan Islam dalam surat An-Nisa'ayat 36* (Doctoral dissertation, UIN Walisongo).
- Ghaffar, A. K. A., Ashaari, M. F., & Umar, A. (2013). Jati diri kebangsaan dalam falsafah Pendidikan Islam. *Al-Hikmah*, 5, 18-32.
- Ghani, Z. A. (2002). Cabaran dakwah Islam di era siber. *Jurnal Usuluddin*, 15, 133-142.
- Hadi, (2019, Mac 9). Presiden Pertubuhan Melayu Australia Barat. Perth, Australia.
- Hamdani, S. M., Baharuddin, D. F., & Karim, N. K. A. (2019). Cabaran Minoriti Muslim: Kajian Di Jepun. *Institut Kajian Zakat (IKAZ), Akademi Pengajaran Islam Kontemporari UiTM*.
- Idris. (2019 Mac 15). Pesara. Perth. Australia.
- Jeldtoft, N. (2011). Lived Islam: religious identity with 'non-organized' Muslim minorities. *Ethnic and Racial Studies*, 34(7), 1134-1151.
- Khairul. (2019, Mac 11). Doktor Perubatan. Perth. Australia.
- Kielmann, K., Cataldo, F., & Seeley, J. (2012). Introduction to qualitative research methodology: a training manual. *United Kingdom: Department for International Development (DfID)*, 1-4.

- Linda. (2019, Mac 9). Suri Rumah. Perth. Australia.
- Mateen, M. A., & Ali, S. (2016). The New Muslim Generation in Japan: Challenges and Future. 21(4), Ver. 04 (Apr. 2016), p. 91-96.
- Mohd Zaid, M. F. H., Awang, J., & Rahman, Z. A. R. (2018). Kehidupan Beragama Minoriti Muslim di Korea. *Jurnal Wacana Sarjana*, 2(1).
- Nazir, M. (2005). Metode Penelitian Cetakan Keenam. *Jakarta: Penerbit Ghalia Indonesia*.
- Nora. (2019, Mac 13). Pengurus Syarikat. Perth, Australia.
- Piaw, C. Y. (2014). Asas statistik penyelidikan Edisi ketiga. *Selangor: Mc Graw Hill Education*.
- Razman. (2019, Mac 10). Jurutera. Perth, Australia.
- Sue. (2019, Mac 9). Suri Rumah. Perth, Australia
- Wan. (2019, Mac 10). Jurutera. Perth, Australia.
- Yusof, N. (2017). Understanding The Minority Muslim Community In Singapore: Issues And Challenges. *Al-Shajarah: Journal of the International Institute of Islamic Thought and Civilization (ISTAC)*, 22(2), 175-191. <https://doi.org/10.31436/shajarah.v22i2.559>.
- Yusof. (2019, Mac 10). Doktor Perubatan. Perth, Australia.